

# → SASTERA & BUDAYA



[FOTO KHAIRULL AZRY BIDIN/BH]

Antara koleksi barangan lama yang dipamerkan di Muzium UPM, Serdang.

## Pakaian Melayu penuh mistik

➔ Miliki nilai budaya tinggi, elemen spiritual kian dilupakan




Oleh Wan Noor Hayati Wan Alias  
wanti@bh.com.my

▀ Serdang

**P**akaian dalam tradisi Melayu bukan saja memiliki falsafah dan nilai budaya tinggi, bahkan dikatakan turut menyimpan elemen mistik yang semakin hilang dalam ingatan kolektif bangsa.

Justeru, pakaian Melayu lengkap seperti tanjak, selendang atau selempang dan bengkong atau pending serta kain buruk yang lebih dikenali sebagai samping, dikategorikan sebagai pakaian kemuliaan Melayu.

Tradisi pemakaian pakaian kemuliaan itu memiliki adat dan adab, termasuk penggunaan warna jalur pemakai seperti kuning, merah, hitam atau putih yang bergantung kepada taraf dan martabat daripada peringkat hamba hingga ke kerabat diraja.




Pakaian kemuliaan dianggap 'mengabdikan' diri kepada pemakai seperti kain buruk rakyat biasa adalah kain lepas berwarna hitam tetapi raja dan pembesar menggunakan cindai atau kain azimat"

**Muhammad Pauzi Abd Latif,**  
Pengarah Muzium Warisan Melayu UPM

**Info**


**Warna dalam pakaian Melayu Riau**

- ➔ **Kuning emas:** Khusus untuk Sultan atau Raja dalam Kerajaan Melayu serta permaisuri
- ➔ **Hijau lumut:** Dipakai oleh golongan bangsawan, tengku, encik dan wan
- ➔ **Hitam:** Pemimpin berpangkat datuk dan orang besar dalam upacara adat
- ➔ **Sumber:** Buku Pakaian Tradisional Melayu Riau oleh Dr. OK Nizami Jamil terbitan Lembaga Adat Melayu Riau



### Ukiran kertas

**Artis:** Parth Kotheekar  
**Asal:** India  
**Bentuk:** Menggunakan sekeping kertas, Kotheekar menghasilkan pelbagai ukiran atau stensil sebesar tapak tangannya dengan teliti. Ukiran dihasilkan daripada pelbagai bentuk termasuk kanak-kanak perempuan, basikal, bulu pelepah dan burung merak itu bukan saja cantik, malah menakjubkan untuk diteliti.



### Skrus 3D

**Artis:** Andrew Myers  
**Asal:** Jerman  
**Bentuk:** Pelukis yang kini menetap di California, Amerika Syarikat (AS) menghasilkan potret kontemporari 3D dengan menggunakan kira-kira 10,000 skru. Proses itu dimulakan dengan melakar lukisan dikehendaki di atas sekeping papan nipis, sebelum menggerudi skru dan mengecat permukaan skru bagi menimbulkan kesan 3D. Selain skru, Myers turut menggunakan media campuran lain termasuk cat minyak dan simen.

Pengarah Muzium Warisan Melayu, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Muhammad Pauzi Abd Latif, berkata wujudnya perbezaan yang tidak lagi difahami oleh generasi kini disebabkan pakaian kemuliaan itu dianggap simbolik atau lambang kehebatan luaran dan dalaman yang dikaitkan dengan kebatinan, kerohanian serta unsur mistik.

"Pakaian kemuliaan dianggap 'mengabdikan' diri kepada pemakai seperti kain buruk rakyat biasa adalah kain lepas berwarna hitam tetapi raja dan pembesar menggunakan cindai atau kain azimat," katanya kepada *Sastera&Budaya BH* di UPM, di sini.

**Penampilan terserlah**  
Tidak hairanlah, kata Muhammad Pauzi, sifat penampilan itu terserlah pada sebarang upacara, majlis atau istiadat sehingga orang Melayu yang tidak lengkap berpakaian Melayu tidak dianggap daripada bangsa berkenaan, apatah lagi jika pembesar.

"Perbezaan itu juga wujud kerana kepercayaan terhadap pakaian kemuliaan menjadi rahsia kehebatan kekuatan kepahlawanan dan kesaktian orang Melayu.

"Asalnya pakaian tidak ada apa-apa tetapi kedudukannya diangkat sebagai pakaian kemuliaan apabila diisi unsur mistik, iaitu apabila 'dilahirkan' dan diberi nama, sebelum dianugerahkan kepada tuannya yang akan 'menyepoh' atau menyeru untuk memakainya," katanya.

Beliau memberi contoh kain buruk rapat pembesar yang diberi nama *Cindai Merak Sarak* dalam cerita rakyat Melayu dan diserahkan kepada seorang tokoh yang dikenali sebagai Awang.

Selepas upacara menyepoh, *Cindai Merak Sarak* dikatakan 'berkhidmat' kepada Awang sehingga seandainya hilang atau dicuri, ia tetap akan kembali kepada tuannya.

Awang dikatakan menyeru *Cindai Merak Sarak*: "Hai kain buruk rapat pembesar, *Cindai Merak Sarak*, tempat duduk Awang, kaulah ganti cindai bonda, kaulah ganti takhta paduka, muliakan sosok di atasnya, bukan sekadar pengangkutan dari satu tempat ke tempat lain malah menghalang mata tombak daripada tembus mengenai Awang."